



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI  
TUN HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : GELAGAT ORGANISASI  
KOD MATA PELAJARAN : BPB 2053  
KURSUS : 2 BPA / 2 BPB  
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006  
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT  
ARAHAN : JAWAB **EMPAT (4)** SOALAN  
SAHAJA DARIPADA ENAM (6)  
SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 3 MUKA SURAT

- S1 Farah telah dilantik sebagai pengurus cawangan Syarikat Cipta Bestari yang terletak di Johor Bahru. Beliau telah dipertanggungjawabkan oleh pihak syarikat untuk membentuk kumpulan pengurusan yang akan mengurus aktiviti syarikat di cawangan tersebut. Huraikan langkah yang perlu diambil oleh Farah untuk membentuk pasukan pengurusan tersebut berdasarkan Model Lima Aras pembangunan kumpulan. (10 markah)
- S2 (a) Bezakan antara kumpulan kerja (work group) dan pasukan kerja (work team) dari segi kerjasama untuk mencapai sasaran kerja. (2 markah)
- (b) Pasukan boleh diklasifikasi mengikut objektif pembentukannya. Bincangkan **empat** reka bentuk pasukan berikut:
- (i) *problem solving teams*
  - (ii) *self-managed teams*
  - (iii) *cross functional teams*
  - (iv) *virtual teams.*
- (8 markah)
- S3 (a) Terangkan maksud perlakuan politik. (2 markah)
- (b) Teori sifat (traits theory) dalam aspek kepemimpinan mengambil kira karektor dan kualiti personal untuk membezakan seorang pemimpin dengan bukan pemimpin. Bincangkan secara ringkas limitasi teori sifat tersebut. (8 markah)
- S4 (a) Apakah yang dimaksudkan sebagai konflik? (4 markah)
- (b) Terangkan maksud serta huraikan asas kepada kuasa formal. (6 markah)
- S5 (a) Terangkan **dua** peringkat sosialisasi budaya dalam sesebuah organisasi. (4 markah)
- (b) Huraikan **tiga** keadaan apabila budaya menjadi liabiliti kepada sesebuah organisasi. (6 markah)

S6 (a) Terangkan matlamat bagi perubahan.

(2 markah)

(b) Sesebuah organisasi perlu peka kepada perubahan persekitarannya untuk menjadi lebih berdaya saing. Bincang beserta empat (4) kuasa spesifik untuk perubahan.

(8 markah)